

Menabung sejak kecil untuk pendidikan anak-anak

"NIAT menyimpan duit hanya untuk tabungan pendidikan anak-anak tanpa terfikir langsung akan mendapat rezeki lain yang di luar jangkaan," kata pemenang tempat pertama Simpanan Vaganza! SSPN-i bagi zon Borneo anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Nurlinazman Muhamad, 33, yang berasal dari Sabah berkata, dia menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sejak lebih setahun yang lalu untuk dua anaknya yang berusia enam dan lima tahun.

Jelasnya, kedua-dua anaknya mempunyai akaun SSPN-i dan simpanan dibuat secara bergilir-gilir bagi memastikan setiap anaknya mempunyai tabungan mencukupi untuk menyambung pelajaran kelak.

"Tidak kisahlah berapa jumlahnya, saya tetap akan menyimpan untuk anak-anak ikut giliran masing-masing. Jika ada duit lebih, banyaklah wang yang dapat disimpan."

"Saya tidak menyangka langsung akan berpeluang memenangi hadiah cabutan Simpanan Vaganza! ini. Mungkin, inilah



NURLINAZMAN MUHAMAD



MOHD. ZAINUL ARIF ZAINOL



HEW KIN KUEW

yang dikatakan, 'tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu,' katanya yang memenangi motosikal Yamaha 135LC itu.

Sementara itu, pemenang hadiah kedua Simpanan Vaganza! bagi zon Timur, **Mohd. Zainul Arif Zainol**, 27, juga ingin mengikuti langkah Nurlinazman yang menabung untuk pendidikan anaknya ketika usia mereka masih kecil.

"Saya menyimpan di dalam SSPN-i tanpa dirancang. Kebetulan tahun lalu, ada wang lebihan bayaran balik PTPTN

dan ia dikreditkan ke dalam akaun SSPN-i saya.

"Tanpa menjangka apa-apa, tiba-tiba saya diberitahu telah berjaya menjadi pemenang tempat kedua bagi Simpanan Vaganza!," katanya yang memenangi hadiah sebuah *Macbook Pro 13 inci Retina Display*.

Kata Mohd. Zainul, selepas ini dia ingin membuka akaun untuk anak tunggalnya yang berusia sembilan bulan dan pilihannya adalah SSPN-i Plus kerana skim tersebut menawarkan pelbagai manfaat simpanan termasuk perlindungan takaful.

"Saya merancang mengambil skim ini kerana komitmen bulanannya tidak membebankan dan pada masa sama banyak manfaat yang boleh diterima ditambah ia patuh Syariah serta dividen yang diberi juga kompetitif," katanya.

Rezeki menabung saat akhir

Seorang lagi pemenang hadiah pertama Simpanan Vaganza! zon Barat, **Hew Kin Kuew**, 59, juga tidak menduga berjaya dalam cabutan hadiah kerana baru sahaja dua bulan menyimpan di dalam SSPN-i.

Kin Kuew berkata, dia mula membuka akaun untuk salah seorang anak kembarnya yang kini menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada bulan Mei lalu sebanyak RM2,000 dan tidak disangka, dua bulan selepas itu menerima panggilan daripada PTPTN memaklumkan tentang kemenangannya.

"Saya memang tidak menjangka akan menang. Simpanan itu dibuat untuk pendidikan anak-anak yang kini sudahpun berada di universiti."

"SSPN-i memang pilihan saya dan suami untuk simpanan pendidikan anak-anak. Sebab itu, empat daripada lima anak saya mempunyai akaun SSPN-i."

"Selain ia dijamin kerajaan, pendeposit juga mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM6,000 setahun," katanya yang turut mengharapkan tuahnya tidak berhenti setakat ini sahaja.